

05/08/1999

Mapen II untuk generasi masa depan (HL)

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) yang dianggotai 155 wakil pelbagai pertubuhan dan kumpulan serta individu terpilih, akan menjadi forum untuk mengetegahkan idea ke arah perubahan paradigma demi merancang masa depan negara.

Melancarkan majlis itu hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jika ada idea untuk membuat perubahan atau reformasi, inilah masa dan tempatnya diketengahkan supaya dibahas, dipertimbang dan dihalusi semua pihak.

"Tidak guna jika ada idea tetapi dilaung-laungkan di tempat yang tidak sesuai - di jalan-jalan, di kedai kopi, di tempat beribadah atau di rumah sakit. Cara sedemikian tidak memberi manfaat kerana mutu idea itu sendiri tidak dapat diuji, tidak diperdebatkan secara rasional atau dibahaskan untuk penerimaan oleh semua lapisan masyarakat," katanya.

Dr Mahathir berkata, satu daripada matlamat Mapen II ialah untuk memulihkan semula dan memajukan matlamat mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum, selain memastikan pencapaian matlamat Wawasan 2020.

"Kali ini cabaran yang dihadapi Mapen II lebih besar. Ekonomi negara sudah merosot. Dengan itu, pendekatan yang bergantung kepada pembesaran kek ekonomi sebelum agihan dibuat, menjadi lebih sukar," katanya.

Majlis itu akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan bagi satu dasar baru untuk memandu pembangunan negara selepas tahun 2000.

Sekali gus, Mapen II akan menjadi satu bahagian penting dalam proses penggubalan dasar pembangunan negara pada dekad pertama alaf baru, ke arah perubahan paradigma berasaskan hakikat Malaysia adalah sebuah negara yang masih muda.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut mengumumkan pelantikan Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid sebagai Pengerusi Mapen II.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Dr Samsuddin Hitam, selaku pengerusi jawatankuasa penganjur.

Mapen II adalah majlis perundingan ketiga seumpamanya ditubuhkan kerajaan. Proses perundingan antara wakil-wakil masyarakat pertama kali diadakan pada Januari 1970 apabila kerajaan di bawah pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) menubuhkan Majlis Perundingan Negara.

Majlis perundingan itu diwujudkan untuk mendapat pemuafakatan masyarakat mengenai garis panduan kerjasama antara kaum dan integrasi sosial bagi membentuk identiti nasional Malaysia.

Ini membuka laluan kepada penubuhan Mapen pertama pada Januari 1989 dan kini Mapen II.

Selain menilai pencapaian Dasar Pembangunan Negara (DPN) iaitu penganti kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi memandu pembangunan negara untuk tempoh 1991-2000, Mapen II juga bertujuan memastikan matlamat Wawasan 2020 tercapai.

Berbeza ketika Mapen I yang ditubuhkan pada 1989, Mapen II ditubuhkan oleh kerajaan ketika ekonomi negara baru melepasi ketenatan kegawatan, sekali gus menjadi titik tolak cabaran lebih besar kepada keseluruhan ahlinya.

Mapen II yang akan mengadakan mesyuarat pertamanya esok diberi tempoh sehingga September tahun depan untuk mengemukakan laporan kepada Kabinet.

Mapen II akan menilai prestasi DPN, termasuk faktor yang menyumbang atau menghalang pencapaian matlamat dasar itu, khususnya program pengurangan

kemiskinan, penyusunan semula guna tenaga dan ekuiti korporat serta pengagihan pendapatan di antara kumpulan etnik, kawasan bandar, luar bandar dan negeri-negeri.

Perdana Menteri yakin idea yang bernas dan tahan diuji akan diterima oleh Mapen II kerana ahlinya bukan calang-calang orang dan mereka diberi mandat untuk menggubal arah tuju, teras dan dasar baru untuk membawa negara ke alaf baru yang penuh cabaran.

"Kita masih perlu menentukan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan ini tidaklah semudah dahulu. Ramai daripada Bumiputera yang berbakat sudah tersungkur kerana beberapa sebab. Apakah kita mengenal pasti bakat baru berwibawa yang boleh diberi peluang dan tanggungjawab," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata cara menangani kegawatan ekonomi dan pemulihannya boleh digunakan ketika menjayakan Mapen II.

Katanya, bidang baru yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mestilah dikenal pasti dan diterokai. Teknologi maklumat umpamanya, boleh diguna untuk pembangunan industri baru yang berasaskan kepadanya.

Dr Mahathir berkata, Koridor Raya Multimedia (MSC) mempunyai potensi besar dan latihan dalam bidang berkaitan perlu dipergiat, manakala industri berasas kepada bahan komposit yang semakin banyak digunakan untuk automobil dan pesawat terbang boleh memberi sumbangan kepada industri pembuatan.

Perdana Menteri turut menyarankan supaya pendekatan baru diperkenalkan bagi memajukan bidang pertanian seperti pengurusan estet secara besar-besaran untuk mengeluarkan sayur-sayuran dan buah-buahan selain cara baru menangkap dan menternak ikan.

Langkah itu akan meningkatkan pendapatan petani dan nelayan, sementara negara pula dapat mengelak pengaliran keluar tukaran asing melalui import makanan.

"Jika kita memasuki bidang pertanian secara besar-besaran dengan mengadakan estet, kita pasti boleh memajukan lagi industri pertanian bukan saja untuk mengurangkan import makanan tetapi juga mengeksport lebihan daripada keluaran yang diperlukan dalam negara," katanya.

Beliau berkata, pekebun kecil tidak akan rugi jika estet sayur-sayuran dan buah-buahan diadakan kerana seperti juga dengan kelapa sawit, estet boleh membeli produk pekebun kecil untuk digred, diproses dan dipasarkan.

Nelayan baru pula hendaklah terdiri daripada mereka yang terlatih dan sanggup mengguna peralatan cara baru yang boleh meningkatkan pengeluaran ikan segar serta menambah pendapatan nelayan baru dan lama.

Dr Mahathir berkata, bidang pertanian sebelum ini kurang mendapat perhatian ketika negara menumpukan kepada pembangunan industri pembuatan dan ia lebih bertumpu kepada pembangunan estet getah, kelapa sawit dan koko.

"Kita tahu bahawa import makanan negara adalah yang terbesar menyebabkan pengaliran keluar tukaran asing. Sebaliknya, pendapatan daripada pengeluaran keluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga jauh lebih tinggi daripada pendapatan getah atau kelapa sawit atau koko," katanya.

Beliau berharap, di samping melihat isu di peringkat makro, ahli Mapen II juga akan dapat meneliti di peringkat mikro untuk menajamkan strategi yang ada supaya usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau dalam pelbagai bidang, bukan saja dapat dibentuk malah kualitinya adalah tinggi serta bertaraf kelas dunia.

"Sehubungan itu, usaha membangunkan usahawan berkelas dunia juga perlu dilakukan. Kalau dulu strategi DEB dan DPN tertumpu kepada mewujudkan usahawan tempatan Bumiputera, sekarang kita perlu memikirkan bagaimana mewujudkan usahawan Malaysia termasuk Bumiputera yang berkelas dunia.

"Saya juga berharap ahli Mapen II akan juga melihat kepada soal moral

dan kerohanian kerana kita ingin melahirkan negara maju yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan pegangan teguh kepada nilai keagamaan dan kerohanian murni serta berpekerti luhur," katanya.